

Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 dan kesalahan jenayah.

- (b) Mengikut rekod KPM, dakwaan kebocoran kertas peperiksaan awam memang diterima saban tahun. Namun begitu, setelah siasatan terperinci dibuat, dakwaan tersebut telah disahkan tidak berlaku. Sejak tahun 2008 hingga kini, kes kebocoran soalan peperiksaan yang memerlukan peperiksaan semula seperti yang berlaku pada tahun ini tidak pernah berlaku.

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULUNG)**

**TARIKH : DALAM TEMPOH BERSIDANG**

**SOALAN : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan dan strategi yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu-isu memulihara keharmonian masyarakat berbilang etnik dan agama di negara kita dan cabaran-cabaran utama yang perlu kita hadapi untuk dekad-dekad seterusnya.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri di Majlis Perkhidmatan Awam Ke-11 di PICC pada 9 Mac 2010 beliau menyebut bahawa merealisasikan perpaduan nasional bukannya kerja sehari, seminggu, sebulan, setahun mahupun sedekad. Ia adalah usaha berterusan semenjak negara mencapai kemerdekaan lebih lima dekad yang lalu. Ia akan terus menjadi perjuangan yang akan diwariskan dari generasi ke generasi.

Oleh itu di dalam menguruskan isu-isu perpaduan, kerajaan menggunakan pendekatan "inklusif" dan "partisipatif", di mana ia menggariskan dasar-dasar serta program-program menjurus ke arah memelihara perpaduan dan keharmonian tanpa sesekali meminggirkan mana-mana kaum dan memberi jaminan bahawa hak dan

kepentingan mereka sentiasa dipelihara. Strategi yang telah dikenalpasti banyak ditumpukan kepada:

- a) Pengurusan Perpaduan
- b) Pengurangan Konflik
- c) Pendidikan Perpaduan

### **STRATEGI PENGURUSAN PERPADUAN**

Kepelbagaian rakyat Malaysia dari segi kaum, budaya, agama dan bahasa menuntut Kerajaan hari ini menguruskan kepelbagaian ini secara berhati-hati agar kepentingan kaum-kaum lain sentiasa terpelihara. Kerajaan melalui JPNIN akan memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan di peringkat akar umbi. JPNIN telah membangunkan sistem e-Sepakat, suatu sistem *online* di mana pegawai-pegawai di JPNIN akan mengesan dan memantau isu serta melaporkan ke dalam sistem. Tindakan pencegahan dan pemulihan akan diambil agar ketegangan yang berlaku dapat diredakan.

### **STRATEGI PENGURANGAN KONFLIK**

Inisiatif diambil Kerajaan melalui JPNIN di dalam pengurangan konflik adalah dengan melatih pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dengan ilmu dan kemahiran mediasi. Melalui kaedah mediasi ini, pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik akan menggunakan khidmat orang tengah atau dikenali sebagai Mediator untuk membantu mencari penyelesaian menang-menang. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 874 orang mediator telah ditauliahkan.

### **STRATEGI PENDIDIKAN PERPADUAN**

Generasi muda hari ini dikenalpasti sebagai pewaris kepimpinan masa hadapan dan generasi muda ini akan menggalas tanggungjawab untuk membina sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan maju serta keharmonian rakyat sentiasa terpelihara.

Inisiatif diambil memperkasakan program pendidikan ke arah perpaduan. Program-program Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara akan diperkasakan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Nilai-nilai perpaduan akan terus diperteguhkan dan dibudayakan di dalam kehidupan harian.

Keamanan dan keharmonian yang dikecapi rakyat Malaysia hari ini sudah mula tergugat dengan ancaman oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang hendak melihat perpaduan di kalangan rakyat hancur. Kerajaan tidak akan berdiam diri dan akan mengambil tindakan tegas ke atas pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di bawah undang-undang sedia ada.

Cabaran mewujudkan pendamaian dilihat terus menjadi komitmen dan cita-cita Kerajaan dalam usaha mengekalkan kestabilan negara. Mewujudkan kesepaduan sosial, perpaduan dan integrasi rakyat dalam sebuah negara berbilang kaum serta mewujudkan kepercayaan dan pegangan kukuh terhadap ajaran agama dan menghayati intipati, kandungan tersurat dan yang tersirat dalam kesemua prinsip rukun negara antara beberapa cabaran lain yang perlu ditangani Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN : 112**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam tragedi pesawat MH17 dan kehilangan MH370 setakat ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM32,642,167.76** bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 dan **RM819,693.74** bagi menampung kos operasi tragedi pesawat MH17.